

Isu pelajar kita di Mesir usah dipolitikkan

RUSUHAN di Mesir membimbangkan seluruh dunia. Kerajaan Malaysia juga sedang bertungkus-lumus menyelamatkan semua rakyatnya di negara yang sedang bergolak itu melalui agensi terabit.

Dalam keadaan tidak mementu ini, apa yang diinginkan ialah sikap bertanggungjawab segelintir individu yang menyebarkan berita tidak benar mengenai situasi rakyat kita di sana.

Atas apa pun tujuan, sikap menulis tanpa maklumat sahih dan bukti kukuh hanya akan memburukkan keadaan.

Berita palsu yang disebar-kan hanya menambahkan lagi kebimbangan ibu bapa dan

saudara mara mereka yang berada di Mesir. Dalam keghairahan berpolitik di negara ini, janganlah sesekali ada pihak mengambil kesempatan mempolitikkan situasi sukar rakyat kita di Mesir. Apa yang diharapkan ialah semua pihak, tanpa mengira ideologi politik dan kaum bersatu hati memberi bantuan. Yang terbaiknya ialah semua berusaha dan mendoakan supaya misi membawa rakyat Malaysia keluar dari Mesir menemui kejayaan.

Dalam keadaan huru-hara, bukan saja pelajar Malaysia di Mesir berada dalam keadaan bahaya, tetapi petugas media, penyelamat dan pekerja sukarelawan juga terpaksa menggadai nyawa. Me-

ngikut laporan CNN, petugas media dan pekerja sukarelawan, tidak terkecuali daripada menerima kesan buruk kesan kemarahan tidak terkawal penduduk Mesir terhadap pemerintahan Hosni Mubarak.

Kebimbangan ibu bapa dan saudara mara terhadap keselamatan anak dan saudara mereka di Mesir amat difahami. Sesiapa saja berada di tempat mereka tidak akan merasa tenteram. Memahami situasi ini, seluruh rakyat perlu bersatu hati mendoakan keselamatan rakyat Malaysia yang berada di sana. Keselamatan mereka sehingga pulang ke tanah air amat diharapkan.

Seperti mana kata Setiausaha Politik Perdana Men-

teri, Datuk Shahlan Ismail, keadaan rakyat Malaysia di Mesir selamat termasuk semua penuntut Malaysia di sana berada dalam keadaan sihat dan selamat. Mereka berada dalam kumpulan besar serta mempunyai bekalan makanan yang mencukupi,

Adalah diharapkan ibu bapa yang mempunyai anak menuntut di Mesir tidak bimbang kerana delegasi Malaysia yang diketuai Timbalan Menteri Luar, Senator A Kohilan Pillay yang kini berada di Kaherah sejak Isnin lalu, sentiasa memantau keadaan semasa di negara yang sedang bergolak itu.

Dilaporkan, semua pelajar yang dipindahkan ke Jeddah itu akan tinggal di beberapa

asrama milik Tabung Haji dalam tempoh dua minggu hingga sebulan. Sekiranya keadaan kembali aman, pelajar berkenaan akan kembali ke Mesir untuk meneruskan pengajian masing-masing,

Kita juga berterima kasih kepada petugas media, penyelamat dan pekerja sukarelawan yang bertungkus-lumus bekerja untuk membantu rakyat kita di Mesir.

Apa yang penting jangan ada pihak cuba mengambil kesempatan mempolitikkan keadaan dengan menyebarkan berita palsu.

**PROF MADYA DATIN
DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM).*